

# **SK Sungai Bedaun Perkasa Pembudayaan PLC dan STEM Dalam Pendidikan**



Labuan- Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun (SKSB) berjaya melaksanakan Program Profesional Learning Communities (PLC) dan Program Memantapkan Pengintegrasian STEM dalam pendidikan di kalangan warga sekolah, rakan-rakan sekolah TS25 sekitar Wilayah Persekutuan Labuan dan rakan sekolah kolaboratif iaitu Sekolah Kebangsaan Samparita, Kota Marudu pada 20 Jun yang lalu di Dewan Permata sekolah berkenaan.

Menurut Guru Besar SKSB, Puan Dg. Sarifah Binti A.Mahmod, PLC merupakan satu platform yang berkesan dalam membantu pemimpin sekolah dan guru-guru melakukan satu perubahan dalam Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Guru-guru akan sentiasa bekerjasama membuat kajian tindakan dalam mencari kaedah terbaik untuk kecemerlangan anak murid.

“Sebenarnya idea untuk melaksanakan program pada hari ini datangnya daripada En George Elang, Guru Besar SK Samparita untuk melakukan lawatan sambil belajar yang disertai oleh 15 orang guru dan 30 orang murid. Namun,

pihak sekolah melangkah kehadapan dengan mempromosikan program PLC dan STEM pada hari ini" katanya semasa berucap dalam majlis berkenaan.



Noralliza (tengah), Evelyn (dua dari kanan) sedang menerangkan inovasi yang dihasilkan sambil diperhatikan oleh Rina Farrina, Noor Farehin dan Mylsa.



Murid-murid SK Samparita, Kota Marudu begitu teruja dapat mengikuti simulasai Kelas Pembelajaran Abad Ke-21 .

Antara aktiviti yang menarik perhatian dalam program ini ialah aktiviti pengintegrasian STEM dalam Matematik, perkongsian ini di usahakan oleh Panitia Matematik dengan kerjasama komuniti iaitu di kalangan bekas pelajar Asasi Kejuruteraan UiTM, Dengkil dan juga pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam Jurusan Sains Bioteknologi.

Ujarnya lagi, PLC akan dijadikan sebagai satu budaya di SKSB. Kerjasama dan semangat kesukarelaan setiap guru dalam mewujudkan budaya pembelajaran ini sudah pasti dapat meningkatkan kualiti profesionalisme keguruan dan melahirkan kecemerlangan kepada anak didik sekalian.

Beliau mengucapkan syabas kepada Puan Rina Farrina Binti Dakim, Penolong Kanan Pentadbiran selaku peneraju utama program, Penggerak Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) serta warga SKSB yang sentiasa komited dalam melaksanakan apa jua program yang dirancang di sekolah ini. Juga kepada

SISC+, Alumni SKSB dan lima buah sekolah yang terlibat sebagai pempamer dan pembentang iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Bebuloh, SK Bukit Kallam, SK Sungai Lada, SK Tanjung Aru dan SK Pantai.

Dalam program berkenaan, turut diadakan simulasi Kelas Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK) subjek Bahasa Inggeris Tahun 5 yang dikendalikan oleh Puan Noraliza Binti Allbi. Manakala subjek Matematik Tahun 5 pula dikendalikan oleh Puan Yuhana Binti Yusof.



Khaziyati (enam dari kanan) bergambar bersama barisan pempamer daripada SK Sungai Bedau

Tetamu jemputan turut dibawa meninjau Galeri Permata dan mendengar Perkongsian Amalan Baik Teknologi Dalam Pendidikan yang berkaitan dengan aplikasi low-tech yang boleh digunakan dala PdP seperti Plickers, Puzzle Tarsia, Hot Potatoes yang disampaikan oleh Puan Rina Farrina Binti Dakim. Perkongsian ini dihadiri oleh guru-guru SK.Samparita, Kota Marudu, penolong-penolong kanan

pentadbiran, pegawai SIC+, dan guru besar sekolah TS25.

Majlis menandatangai memorandum Persefahaman (MoC) di antara SKSB dan SK Samparita, Kota Marudu turut diadakan di akhir majlis berkenaan. Semoga dengan adanya jalinan ini kedua-dua pihak akan saling berkongsi ilmu dan bertukar pandangan ke arah pemantapan Pengurusan Sekolah dan Pembudayaan PLC dan pemantapan Program STEM.



Dg.Sarifah (kiri) dan George Elang (dua dari kanan) bertukar MoU sambil disaksikan oleh Khaziyati dan Jaafar. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Guru besar-guru besar dan penolong kanan sekolah TS25, 30 orang murid dan 15 orang guru daripada SK Samparita serta 120 orang murid daripada sekolah-sekolah TS25 di wilayah ini beserta guru pengiring.

Encik George Elang dalam ucapannya turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada SKSB kerana merancang

program yang sangat baik dan berjaya menyusun aktiviti lawatan yang bermanfaat kepada murid-murid dan guru-guru SK Samparita.

Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Puan Khaziyati binti Osman, Ketua Sektor Jaminan Kualiti, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL). Turut hadir Puan Zaleha Binti Salleh, Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah.

Dalam ucapannya Puan Khaziyati mengucapkan tahniah kepada SKSB di atas kejayaan menganjurkan program yang sangat bermanfaat dan berimpak tinggi. Semoga usaha ini dapat diteruskan di masa hadapan dan pengintegrasian STEM yang dipelopori oleh SKSB berjaya dilaksanakan sepenuhnya.

### **Berita Oleh : SK Sungai Bedaun**



Rombongan daripada SK Samparita merakamkan gambar kenangan di tugu SKSB Mekar Terbilang bersama Dg. Sarifah dan Khaziyati.